

SULIT

21/1
Sejarah
Ogos
2012
1¼ Jam



ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
CAWANGAN PERLIS

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012**

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi **18**halaman bercetak

**[Lihatsebelah
SULIT**


SULIT

1 Megapakah maklumat berikut penting bagi seseorang pengkaji sejarah?

- Apa
- Siapa
- Mengapa

- A Meningkatkan mutu penyelidikan
- B Memperoleh fakta yang sahih
- C Merakam peristiwa menarik
- D Mengetahui sumber terbaik

2 Rajah berikut menunjukkan ciri-ciri masyarakat Zaman Prasejarah.



Apakah X?

- A Zaman Paleolitik
- B Zaman Mesolitik
- C Zaman Neolitik
- D Zaman Logam

3 Rajah berikut menunjukkan kerajaan awal yang terunggul di Asia Tenggara.

Kerajaan Agraria	Kerajaan Maritim
<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Angkor	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Srivijaya
<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Funan	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Kedah Tua

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan kerajaan-kerajaan tersebut?


- I Bantuan kuasa asing
- II Jajahan takluk yang luas
- III Pemerintah yang bijaksana
- IV Rakyat yang bersatu padu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- 4 Rajah berikut menunjukkan perjalanan Parameswara ke Melaka.



Mengapakah mereka meninggalkan Temasik?

- A Ancaman Siam
 - B Ancaman Melaka
 - C Serangan Srivijaya
 - D Serangan Palembang
- 5 Parameswara berusaha memajukan kegiatan perdagangan di Melaka. Apakah usaha tersebut?
- A Menghapuskan sistem cukai
 - B Menubuhkan pasukan tentera
 - C Menyediakan tenaga kerja
 - D Mengeluarkan lesen berniaga
- 6 Perkembangan agama Islam di Melaka telah meninggalkan beberapa kesan dalam pentadbiran. Apakah kesan tersebut?
- A Sastera rakyat diperkenalkan
 - B Institusi kesultanan diwujudkan
 - C Kuasa pembesar dihapuskan
 - D Hubungan diplomatik diperluas
- 7 Kata-kata berikut diucapkan oleh Tun Perak selepas anaknya dibunuh oleh Raja Muhammad.

“Adat hamba Melayu tidak pernah derhaka, tetapi akan kita bertuankan seorang ini, janganlah”.

W.G. Shellaber (ed.), Sejarah Melayu, halaman 123.


Mengapakah Tun Perak berkata demikian?

- A Memelihara kepentingan putera raja
- B Memastikan kedaulatan sultan terjamin
- C Mengekalkan kesetiaan rakyat Melaka
- D Menjamin kedudukan sebagai pembesar

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

8. Garis masa berikut menunjukkan peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis.



Mengapakah Portugis berjaya menguasai jambatan Sungai Melaka?

- A Membina kubu pertahanan
 - B Menerima sokongan penduduk
 - C Mendapat bantuan luar
 - D Mengetahui maklumat pertahanan
9. Kerajaan Johor telah memperkenalkan sistem naungan sebagai usaha untuk memajukan kegiatan perdagangan. Apakah kepentingan sistem tersebut?
- A Menjaga keamanan
 - B Meluaskan pengaruh
 - C Melicinkan urusan pentadbiran
 - D Menjamin keselamatan pedagang
10. Perjanjian antara Belanda dengan pembesar Johor telah ditandatangani pada tahun 1784. Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?
- A Memajukan kegiatan perdagangan
 - B Menyingkirkan pengaruh Bugis
 - C Mendapatkan semula Melaka
 - D Mengembalikan kuasa raja
11. Senarai berikut merujuk kepada kuasa luar yang berminat untuk menguasai Perak.

- Aceh
- Siam
- Belanda

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- A Kesabaran dalam tindakan
- B Kesyukuran kepada pemerintah
- C Kebijaksanaan mengelak penjajah
- D Keberanian menghadapi cabaran

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT


12 Maklumat berikut merujuk kepada negeri Pahang.

Tahun	Peristiwa
1641-1673	Kerajaan Pahang diletakkan di bawah pemerintahan Yamtuan Muda Johor

Apakah kesannya ke atas kerajaan Pahang?

- A Menamatkan perebutan takhta
- B Meminta bantuan asing
- C Perbalahan dalam negeri
- D Pemerintahan keturunan Sultan Melaka berakhir

13 Rajah berikut menunjukkan undang-undang bertulis dalam kerajaan Melayu.



Apakah undang-undang tersebut?

- A Undang-undang Kedah
- B Undang-undang Pahang
- C Undang-undang Melaka
- D Undang-undang 99 Perak

14 Mengapakah Perayaan Kaul diadakan oleh orang Melanau?

- A Meningkatkan hasil pertanian
- B Memperoleh tangkapan yang banyak
- C Membuka petempatan baru
- D Mengadakan upacara perkahwinan

15 Maklumat berikut merujuk kepada sistem sosial di negeri Sabah.

- Etnik Sabah hidup dalam kelompok kecil
- Tidak bercampur dengan kelompok lain

Apakah faktor yang mempengaruhi sistem tersebut?

- A Kegiatan ekonomi
- B Dasar pemerintahan
- C Bentuk muka bumi


**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- 16 D Budaya nenek moyang
Mengapakah Sultan Kedah menghubungi syarikat berikut pada kurun ke-18?

- Firma *Jourdain Sullivan and de Souza*
- Syarikat Hindia Timur Inggeris

- A Meningkatkan aktiviti perdagangan
B Mengekalkan kedaulatan negeri
C Menjalin hubungan diplomatik
D Menghapus ancaman lanun
- 17 Ilustrasi berikut menggambarkan perbalahan British dengan Belanda di Kepulauan Melayu.



- Apakah langkah penyelesaian yang diambil?
- A Pentadbiran Negeri-negeri Selat dibentuk
B Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani
C Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
D Perjanjian Persahabatan dan Perikatan dimeterai
- 18 Apakah tujuan negeri-negeri berikut disatukan di bawah satu pentadbiran?

- Melaka
- Singapura
- Pulau Pinang

- A Menyeragamkan pentadbiran
B Menyatukan penduduk
C Mengukuhkan pertahanan
D Mengurangkan kuasa politik

[Lihatsebelah
SULIT

SULIT

19 Mengapakah British berusaha meluaskan pengaruh di Pahang pada kurun ke-19?

- A Pelantikan pegawai Barat
- B Perebutan kuasa pembesar
- C Kemasukan pelabur Eropah
- D Kekacauan kongsi gelap

20 Maklumat berikut berkaitan kritikan Sultan Idris dalam Durbar Kedua di Kuala Lumpur.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Residen Jeneral terlalu berkuasa• Kuasa raja berkurangan |
|---|

Apakah kesan daripada kritikan tersebut?

- A Jemaah Menteri dibentuk
- B Perlembagaan negeri dipinda
- C Pentadbiran tradisional dimantapkan
- D Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan

21 Apakah matlamat kuasa imperialis berikut?

Kuasa Imperialis Barat
<ul style="list-style-type: none">• Perancis• Jerman• Amerika Syarikat• Rusia

- A Memberi bantuan tentera
- B Menamatkan perebutan takhta
- C Menjalin hubungan diplomatik
- D Mendapatkan bahan mentah

22 Senarai berikut menunjukkan usaha Tunku Mahmud dalam mengekalkan identiti negeri Kedah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Penggunaan kalender Hijrah• Cuti umum pada haru Jumaat• Melantik orang Melayu dalam pentadbiran |
|---|

Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan usaha tersebut?

- A Jati diri

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- B Toleransi
C Berhemah
D Diplomasi
- 23 Apakah kepentingan Surat Sungai dalam pelaksanaan Sistem Kangcu di Johor?
- A Menggunakan jalan air
B Mendapatkan perlindungan
C Menjalankan perdagangan
D Mengusahakan pertanian
- 24 Pada tahun 1842, James Brooke telah mengadap Sultan Omar Ali Saifuddin. Mengapakah beliau bertindak demikian?
- A Membebaskan tawanan perang
B Mengawal pemberontakan
C Mengesahkan kedudukan
D Menjalin hubungan perdagangan
- 25 Mengapakah perlembagaan berikut diterima oleh penduduk Sarawak?
- Perlembagaan 1941
- A Pemerintahan rakyat tempatan
B Pendidikan secara percuma
C Pembangunan ekonomi negeri
D Pemantapan sistem pentadbiran
- 26 Apakah tujuan penubuhan Jabatan Pelajaran di Sarawak pada tahun 1924?
- A Menyediakan latihan perguruan
B Memperkenalkan pendidikan rendah
C Menggabungkan semua sekolah
D Mengawal perkembangan pendidikan
- 27 Situasi berikut berlaku di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).
- James telah menculik anak gadis seorang ketua kampung di sebuah kampung di Sabah.
- Mahkamah manakah yang akan mengendalikan kes James tersebut?
- A Mahkamah Anak Negeri
B Mahkamah Syariah
C Mahkamah Majistret
D Mahkamah Tinggi

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

28 Apakah kesan daripada usaha- usaha SBUB berikut?

- Membina landasan kereta api
- Memberi empat peratus dividen

- A Perkembangan industri balak
- B Peningkatan kawasan tanaman getah
- C Perkembangan kegiatan perlombongan
- D Peningkatan kawasan tanaman sagu


29 Apakah muslihat SBUB membina Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Negeri di Sabah?

- A Melahirkan pegawai peringkat rendah
- B Melahirkan rakyat yang berkemahiran
- C Mengekalkan adat tradisi rakyat
- D Memerlukan sokongan pembesar

30 Menjelang kurun ke-20, beberapa jenis tanaman dagangan tradisional menghadapi masalah ketidakstabilan harga di pasaran dunia. Apakah tindakan British untuk mengatasi masalah tersebut?

- A Membuka tanah baru
- B Meluaskan pasaran tempatan
- C Memperkenalkan tanaman baru
- D Menetapkan kuota pengeluaran

31 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah sekolah yang ditubuhkan pada tahun 1905.



Apakah X?

- A Penang Free School
- B Kolej Melayu Kuala Kangsar
- C Saint John Bukit Nanas
- D Victoria Institution

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

32 Tok Janggut dan rakan-rakannya telah berkorban nyawa demi mempertahankan Kelantan daripada kuasa penjajah British. Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada perjuangan tersebut?

- A Bertolak ansur
- B Berhemah tinggi
- C Bersemangat patriotik
- D Bersopan tegas

33 Apakah faktor yang menyebabkan Kebangkitan Tani pada tahun 1922-1928 di Terengganu?

- A Pembinaan balai polis
- B Pengenalan pas kebenaran
- C Penghapusan amalan perhambaan
- D Pembentukan sistem residen

34 Apakah kesan gerakan berikut kepada Tanah Melayu?

Pelopor Gerakan Islah
<ul style="list-style-type: none">• Syeikh Muhammad Abduh• Sayid Jamaluddin al-Afghani

- A Mencetuskan semangat kebangsaan
- B Menyebarkan agama Islam
- C Mengembangkan kegiatan sastera
- D Mewujudkan perpaduan kaum

35 Apakah kepentingan penubuhan Kesatuan Melayu Muda oleh Ibrahim Haji Yaakob?

- I Menyatukan Tanah Melayu dan Indonesia
- II Meningkatkan ekonomi penduduk
- III Menjamin kedudukan raja-raja Melayu
- IV Memupuk perpaduan orang Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Apakah iktibar peristiwa berikut terhadap rakyat di negara kita?


Leftenan Jeneral A.E Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura menyebabkan seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1942.

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- A Mewujudkan kebudayaan kebangsaan
- B Membentuk gerakan ketenteraan
- C Mempertahankan negara sendiri
- D Menyatupadukan penduduk

37 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran wilayah Jepun di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Pengarah Agung
- B Majlis Pusat
- C Residen
- D Penghulu

38 Jadual berikut menunjukkan kenaikan harga barang keperluan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Jenis Barang	Disember 1941	Disember 1943	Ogos 1945
Telur (sebijji)	3 sen	0.28 sen	\$ 35.00
Beras (500 gram)	6 sen	\$ 2.50 sen	\$ 75.00
Gula (500 gram)	8 sen	\$ 3.80 sen	\$ 120.00

Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi masalah tersebut?

- A Mengimport makanan dari luar
- B Memperkenalkan ekonomi kawalan
- C Menyekat perdagangan dengan Barat
- D Melahirkan tenaga kerja mahir

39 Peristiwa keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Batu Pahat menyebabkan berlaku ketegangan kaum.
Apakah peristiwa tersebut?

- A Membunuh seorang penghulu

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- B Merampas harta benda
- C Menabgkap pembesar tempatan
- D Membakar rumah berpenghuni

40 Pentadbiran Tentera British (PTB) telah diperkenalkan pada bulan September 1945. Apakah kejayaan pentadbiran tersebut?

- I Menamatkan pergaduhan kaum
- II Menegakkan undang-undang
- III Menguasai bandar dan daerah
- IV Memperkenalkan Malayan Union

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

41 Senarai berikut merupakan tokoh yang memainkan penting untuk mendukung perjuangan bangsa.

- Dato' Onn Ja'afar
- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menyertai Rombongan Merdeka
- B Menggubal perlembagaan UMNO
- C Menghapuskan sistem beraja
- D Menentang pendudukan Jepun

42 Siapakah yang bertanggungjawab memberi perlindungan berikut?

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948

Memberi perlindungan istimewa terhadap orang Melayu

- A Residen
- B Gabenor
- C Raja-raja Melayu
- D Pesuruhjaya Tinggi

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- 43 Dialog berikut mungkin berlaku semasa pendudukan Jepun di negara kita.

Pegawai British : Awak mesti mengikuti latihan di Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura supaya kita dapat mengalahkan tentera Jepun.

Pegawai PKM : Baiklah, tetapi kita mesti saling bekerjasama supaya pasukan saya lebih kuat.

Apakah bentuk kerjasama tersebut?

- A Memberi bantuan makanan
 - B Membina kubu pertahanan
 - C Menerima bantuan senjata
 - D Mengiktiraf penubuhan PKM
- 44 Gambar berikut menunjukkan Sultan Selangor sedang memberi kata-kata semangat kepada pasukan Home Guard semasa lawatan baginda ke sebuah kampung.



Apakah fungsi Home Guard tersebut?

- A Mengawal ladang dan lombong
- B Mengatasi masalah perkauman
- C Melatih pasukan keselamatan
- D Membantu pasukan polis dan tentera

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

45 Pernyataan berikut berkaitan pergerakan komunis pada zaman darurat.

PKM mendapat maklumat, bekalan makanan dan ubat-ubatan daripada Min Yuen. Hal ini menyebabkan pergerakannya semakin kuat.

Bagaimanakah British melumpuhkan pergerakan tersebut?

- A Mengwujudkan “kampung baru”
- B Menawarkan pengampunan
- C Mengharamkan parti berhaluan kiri
- D Menubuhkan pasukan polis

46 Rundingan Baling diadakan antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng pada tahun 1955.

Apakah syarat Tunku Abdul Rahman terhadap PKM dalam rundingan tersebut?

- A Mengiktiraf kepimpinannya
- B Meletakkan senjata
- C Meninggalkan negara
- D Menyerahkan hak kerakyatan

47 Berdasarkan rajah berikut, apakah X?

X

- Bertujuan untuk mencapai perpaduan kaum
- Dipengerusinya oleh Dato' E.E.C. Thuraisingam
- Sir Malcolm MacDonald sebagai penasihat

- A Sistem Ahli
- B Suruhanjaya Reid
- C Jawatankuasa Antara Kerajaan
- D Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

48 Senarai berikut menunjukkan sistem persekolahan yang terdapat di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah vernakular Cina
- Sekolah vernakular Tamil

Apakah kelemahan sistem persekolahan tersebut?

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- A Menghalang perpaduan kaum
- B Menyukarkan pembangunan ekonomi
- C Menyulitkan bantuan kewangan
- D Mengurangkan tenaga pengajar

49 Senarai berikut menunjukkan cadangan laporan pelajaran di Tanah Melayu.

X
<ul style="list-style-type: none">• Mengadakan sistem sekolah umum• Mewajibkan pendidikan rendah• Menyeragamkan sukatan pelajaran

Apakah X?

- A Laporan Barnes 1951
- B Laporan Fernn-Wu 1951
- C Ordinan Pelajaran 1952
- D Laporan Razak 1956

50 Maklumat berikut berkaitan dengan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.

Parti Perikatan telah memenangi sebanyak 51 daripada sejumlah 52 kerusi yang dipertandingkan.


Mengapakah Parti Perikatan berjaya mencapai kejayaan tersebut?

- A Sokongan kerajaan British
- B Kerjasama pelbagai kaum
- C Ketokohan pemimpin
- D Demonstrasi berterusan

51 Siapakah yang mempengerusikan rundingan semasa Perjanjian London pada tahun 1956?

- A Pesuruhjaya Tinggi British
- B Residen Jeneral British
- C Timbalan Perdana Menteri Britain
- D Setiausaha Tanah Jajahan British

52 Rajah berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku pada tahun 1957.




Apakah peristiwa tersebut?

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

- A Suruhanjaya Reid ditubuhkan
- B Perjanjian Merdeka ditandatangani
- C Pengisytiharan kemerdekaan ditetapkan
- D Rombongan Merdeka dibentuk

53 Pengisytiharan berikut dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1957.




Apakah X?

- A Penubuhan Malaysia
 - B Penamatan Zaman Darurat
 - C Pemasyhuran kemerdekaan
 - D Pelantikan ketua negara
- 54 Maklumat berikut berkaitan hasil persidangan Majlis Negeri Sarawak pada tahun 1946.

Majlis Negeri meluluskan Rang Undang-Undang Penyerahan Sarawak atau *Cession Bill* dengan 18 undi menyokong dan 16 undi menentang.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Menjadi Jajahan Mahkota British
 - B Mengembalikan keamanan
 - C Memulihkan taraf negeri naungan
 - D Meneruskan pemerintahan beraja
- 55 Rajah berikut berkaitan peristiwa dalam gerakan antipenyerahan di Sarawak.



Apakah tindakan British untuk melemahkan gerakan tersebut?

- A Menggunakan kekerasan
- B Menggubal undang-undang
- C Mengadakan rundingan
- D Mengembalikan kuasa

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT


56 Maklumat berikut mengenai salah sebuah parti politik di Sabah.

Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)
Tarikh penubuhan: 23 Disember 1961
Pengasas: Tun Datu Mustapha bin Datu Harun

Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?

- I Menuntut pendidikan percuma
 - II Memperjuangkan agama Islam
 - III Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah
 - IV Melindungi kepentingan penduduk pedalaman
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

57 Garis masa berikut berkaitan dengan langkah ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia.



Apakah X?

- A Suruhanjaya PBB
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

**[Lihatsebelah
SULIT**

SULIT

58 Jadual berikut merupakan usaha ke arah perdamaian antara Malaysia-Indonesia.

Tarikh	Peristiwa
Jun 1964	Persidangan di Tokyo

Mengapakah persidangan tersebut gagal?

- A Kuasa asing campur tangan
- B Pemimpin berselisih faham
- C Tentera Indonesia enggan berundur
- D Parti Komunis Indonesia mengganas

59 Mengapakah pasukan keselamatan tersebut ditubuhkan?

Pasukan Pertahanan Tempatan (PPT)

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Mengawasi perairan negara
- C Menyekat pengaruh komunis di Singapura
- D Menghalang pencerobohan tentera Indonesia

60 Pengisytiharan Pemisahan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965 berkaitan konsep Malaysian Malaysia.

Apakah isu tersebut?

- A Penghapusan cukai
- B Persamaan hak antara kaum
- C Pemberian taraf kerakyatan
- D Peruntukan kerusi pilihan raya

[Lihatsebelah
SULIT

SULIT

SKEMA JAWAPAN SEJARAH PMR 2012

NO SOALAN	TINGKATAN	BAB	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	1	1	B	8
2	1	2	D	26
3	1	3	D	42
4	1	4	A	48
5	1	4	C	50
6	1	5	B	77
7	1	5	C	84
8	1	6	D	96-98
9	1	7	D	110
10	1	7	B	117
11	1	8	C	126
12	1	8	D	127
13	1	9	B	150
14	1	10	B	185
15	1	11	C	193
16	2	1	B	6
17	2	1	A	20
18	2	1	A	21
19	2	2	C	43
20	2	2	D	48
21	2	3	D	55
22	2	3	A	59
23	2	3	D	64
24	2	4	C	79
25	2	4	A	86
26	2	4	D	95
27	2	5	C	108
28	2	5	B	112
29	2	5	A	116
30	2	6	C	128
31	2	6	B	157
32	2	7	C	189
33	2	8	B	190
34	2	8	A	203
35	2	8	B	215
36	3	1	C	12
37	3	1	D	15
38	3	1	B	34-35
39	3	2	A	47
40	3	2	A	48
41	3	2	B	66
42	3	2	D	77
43	3	3	C	89

[Lihatsebelah
SULIT

Jawatanku
asa Antara
Kerajaan

SULIT

44	3	3	D	93-94
45	3	3	A	94
46	3	3	B	107
47	3	4	D	121
48	3	4	A	125-126
49	3	4	D	129
50	3	4	B	141
51	3	5	D	150
52	3	5	B	156
53	3	5	C	163
54	3	6	A	177
55	3	6	A	184
56	3	6	C	191
57	3	7	A	214
58	3	7	C	221
59	3	7	D	222
60	3	7	B	226

[Lihatsebelah
SULIT